



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	9/12/2019	MUKA SURAT	:	11
JABATAN	:	JPS			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			



WAN Hassan (kanan) bersama sebahagian petani yang terlibat dalam kerjiaan akhbar tanaman ditenggelami air.

Bersih parit elak petani terus rugi

Pasir Puteh: Kawasan parit yang menyebabkan tanaman 200 petani di daerah ini ditenggelami air sehingga mereka mengalami kerugian mencecah RM2.4 juta, akan dibersihkan minggu ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Semarak, Wan Hassan Wan Ibrahim berkata, kerja pembersihan itu akan dilakukan jabatan Pengairan dan Saliran (IPS) secepat mungkin bagi mengelakkan kejadian berulang kembali.

Katanya, kali terakhir parit diselenggara pada Mac

lalu, namun disebabkan kawasan parit yang subur dan cepat ditumbuhi lalang selain hujan tidak berhenti menyebabkan perairan itu tidak mampu menampung air yang banyak sehingga melimpah ke kawasan tanaman penduduk.

"Sebelum ini, parit berkenaan diselia Lembaga Tembaku dan Tembaku Negara (LTKN), namun selepas penduduk menukar

kepada tanaman kontan seperti ubi viato, cili dan petola, mungkin menyebabkan kerja itu terlepas pandang oleh pihak lain.

"Bagaimanapun, kita sudah mengenal pasti parit itu iaitu di Sungai Pak Yaakob sepanjang tiga kilometer yang dikesan menjadi penyebab limpahan air hujan sehingga tanaman penduduk yang merangkumi kawasan

seperti ladang di Pak Mayong, Air Terjun dan Air Tawar ditenggelami.

"Proses pembersihan bergantung kepada paras laut, kalau berlaku hujan, mungkin ambil masa lebih lama. Bagaimanapun, kita jangka kerja pembersihan ini siap sepenuhnya sebelum berlaku gelombang kedua banjir iaitu penghujung bulan ini," katanya.

Beliau berkata demikian sebelum berangkat

mesyuarat penyelarasan pihaknya bersama petani, IPS, Exco kerajaan negeri dan Jabatan Pertanian di Pusat Khidmat Dun Semarak di sini, semalam.

Dalam pada itu, Wan Hassan turut menyerahakan 50 pek sumbangan makanan kepada petani yang terbahit dengan masalah itu.

Wan Hassan berkata, akan membawa perkara itu ke peringkat kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat sekiranya dapat dibantu daripada segi bantuan tunai.